



# e-BULETIN

Edisi April 2022

kpfrasmi | arrahnkpf

www.kpf.my

## ANGGOTA LEBIH CAKNA PENAMA DAN PINDAH MILIK SYER ANGGOTA MENINGGAL DUNIA



Pengerusi Kumpulan KPF, YH Dato' Amir Hamdan Yusof sedang berucap.

Anggota Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) dinasihati untuk lebih cakna tentang urusan keanggotaan seperti penama dan pindah milik syer anggota, kata Pengerusi Kumpulan YH. Dato' Amir Hamdan Yusof.

***“Hal ini akan memudahkan waris untuk menguruskan harta pusaka khususnya simpanan syer anggota yang meninggal dunia kelak. Selain itu, KPF juga menawarkan skim khairat kematian berjumlah RM1,000 bagi kematian anggota kepada warisnya,”*** ucapan beliau lagi semasa merasmikan Karnival Kumpulan KPF 2022 di Dewan Masjid Felda Bukit Tangga, Kedah baru-baru ini.



KPF dengan kerjasama syarikat subsidiarinya menganjurkan Karnival Kumpulan KPF 2022 pada 31 Mac dan 1 April 2022 bertujuan untuk menyediakan platform libat urus antara anggota Lembaga dan warga anggota di seluruh kawasan rancangan Alor Setar 1.

Program ini juga memberi ruang kepada anggota untuk perkongsian maklumat kegiatan terkini di samping menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan daripada Kumpulan KPF.

Turut menyertai program ini sebagai pempamer adalah Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat, Universiti Utara Malaysia dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional cawangan Kedah.

**Top Left:** Petugas PTPTN sedang mengemas kini maklumat ahli dalam sistem.

**Top Middle:** Wakil subsidiari daripada KPF Niaga tidak melepaskan peluang untuk bergambar.

**Top Right:** Jualan Ekspo Mega daripada KPF Trading (D'Mart).

**Middle Left:** Petugas Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat, Universiti Utara Malaysia bersama tetamu yang hadir.

**Middle Right:** Ketua Jabatan Pengurusan Anggota KPF, Ustaz Abdul Rahman sedang memberikan taklimat.

**Bottom Right:** Prof. Madya Dr. Selaham binti Maamor sedang memberikan taklimat.